



# SUARA BANDARAYA

FEBRUARI - APRIL 1994

ISSN 0128-1194

Sejak tahun 1956 sehingga sekarang DBKL telah membina hampir 50,000 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah untuk golongan sasaran, tidak termasuk 20,000 unit lagi yang dibina oleh pemaju swasta. Kesemua 70,000 unit rumah tersebut terletak di bawah syarat Dasar Perumahan Awam Kos Rendah yang dilaksanakan oleh DBKL sejak awal 1970an.

Masalah setinggan merupakan fenomena yang telah lama wujud. Dalam kajian yang dibuat tahun 1992, didapati kira-kira 40,000 keluarga setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jumlah ini merupakan 25 peratus penduduk Kuala Lumpur masa ini yang berjumlah 1.2 juta orang.

Datuk Bandar, Dato' Dr Mazlan Ahmad berkata demikian sebagai ucapan aluan di Majlis Pelancaran Projek Perumahan Untuk Golongan Rakyat Termiskin di Gombak pada 30 Mei 1994. Projek itu dirasmikan dan dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, DBKL secara persendirian sudah pasti tidak dapat memenuhi keperluan perumahan wargakota tanpa penglibatan yang bersungguh-sungguh daripada semua pihak termasuk swasta.

Menurut beliau, jumlah kediaman yang diperlukan menjelang tahun 2000 ialah 478,000 unit berbanding dengan penawaran yang dijangkakan kira-kira 364,400 unit kediaman. Dengan adanya Tabung Perumahan yang diwujudkan oleh kerajaan itu sudah pasti akan dapat mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah sederhana rendah untuk golongan miskin.

Projek seluas 2.8 hektar itu dijangka dapat membina 912 unit kos rendah. Fasa I sebanyak 456 unit rumah telah disiapkan dan dijangka dapat dilaksanakan secepat mungkin. Fasa II sebanyak 456 unit lagi akan dibina segera setelah semua persiapan akhir dapat dibersikan.

Katanya, rancangan ini adalah sebahagian

## DBKL BINA 50,000 RUMAH KOS RENDAH



Dato' Seri Anwar Ibrahim bersama penyumbang derma Tan Sri Jamil Jan serta Dr. Ting Chew Peh dan Dato' Dr. Mazlan Ahmad

pembangunan kawasan perumahan Gombak Setia yang telah disiapkan sejak awal 1980an sebanyak 1,500 unit rumah kos rendah yang telah diduduki dan 880 unit lagi dalam pembinaan. Jumlah rumah yang dibina di kawasan Gombak Setia ini lebih kurang 3,300 unit untuk menampung penduduk lebih kurang 16,000 orang.

Datuk Bandar memberitahu, projek perumahan di Gombak itu dapat menampung penempatan setinggan yang berdekatan untuk dipindahkan ke rumah kos rendah yang dibina. Manakala tapak setinggan yang dikosongkan itu dapat dibangunkan semula untuk projek perumahan yang lain.

Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mengarahkan



**SUARA**  
BANDARAYA

**FEBRUARI - APRIL 1994**

## EDITORIAL

**Penasihat:**

Izman bin Hj. Ismail

**Editor:**

Zarina Ahmad Osman

**Penolong Editor:**

Nik Suzana bt Nik Shapik

**Pemberita:**

Wan Abdullah Wan Abd. Ghani

**Jurufoto:**

Mubarak Mohd Atan

Abdul Rani Mohd Sohoh

**SUMBANGAN**

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada:

**EDITOR**

SUARA BANDARAYA Bahagian Pentadbiran dan Perkhidmatan Awam, Urusetia Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur atau berhubung dengan En. Wan Abdullah Wan Abd. Ghani, Tel: 03-2916011 Samb 3855

**PERHATIAN**

Semua pendapat dan laporan dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

# KANDUNGAN

SUARA BANDARAYA ■ FEBRUARI - APRIL 1994

DBKL Bina 50,000 Rumah Kos Rendah	1
Dari Meja Datuk Bandar	3
LRT Siap Tahun 1996	5
RM0.4 Juta Untuk Bina Insan	7
Rumah Kos Rendah DBKL Sediakan RM56 Juta	8
3 Prinsip Perkhidmatan	10
Kaunseling Kelompok	12
Harapan Wargakota Hidup Sejahtera	14
Penyewa Tidak Dibenarkan Tinggal Lebih Lama	16
Zaid Jamil Dalam Kenangan	17
Kunjung Hormat & Tandatanganan Perjanjian	18
RM7,650 Bantu Mangsa Kebakaran	19
Konsert Gala	20
RM10,000 Bantu Kelab Keselematan	21
Berkenalan Dengan Ahli Lembaga Penasihat DBKL 1993 - 1995	22
Hari Wilayah Disambut Istimewa	24
Sue Ingin Mencuba Tuah	25
Album Bandaraya	26
Rencana Kesihatan - Cuti Sakit	27
KL Centre Di Isfahan	28
Dikurung Dirumah Urut	30
Selamat Dan Safura	35
Banjir Kilat Kesan Pembangunan Pesat	36
Sajak - Amanat Datuk Bandar	38
Bandaraya Berkembar	40
Cintai Sungai Kelang & Gombak	42
Cabaran Kuala Lumpur	44
JPBR Dapat RM90 Juta	46
Sungai Tentukan Nasib Kuala Lumpur	48
Era Lokman Hingga Mazlan	50
Peranan KL Bertambah Luas	52
Bandar Tun Razak Selepas 20 Tahun	54



**DARI MEJA DATUK BANDAR  
DBKL MEMIKUL TANGGUNGJAWAB NASIONAL**

DBKL dengan 12,000 kakitangan merupakan pihak berkuasa tempatan yang terbesar di Malaysia. Tahun 1994, Belanjawan DBKL meningkat kepada RM724.85 juta untuk melaksanakan tanggungjawabnya, termasuk beberapa perkhidmatan yang dikontrakkan seperti pengutipan sampah, pembersihan jalanraya dan pemotongan rumput di tepi-tepi jalanraya dan taman-taman awam. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM426.08 juta adalah perbelanjaan mengurus dan RM298.77 juta untuk perbelanjaan pembangunan.

Kuala Lumpur yang pesat membangun dan sedang mencipta tempatnya di kalangan bandar-bandar yang 'dynamic' di dunia mempunyai tanggungjawab yang tertentu yang semestinya merupakan pusat pentadbiran, komersial dan ekonomi, politik, sukan, pendidikan, sosial dan kebudayaan. Tugas pentadbiran di sini adalah tugas nasional yang mempunyai objektif yang jauh lebih luas daripada tanggungjawab Kerajaan Tempatan semata-mata.

Tugas ini adalah amat ketara sekali selepas Kuala Lumpur diistiharkan sebagai Wilayah Persekutuan 20 tahun lalu. Bidang-bidang baharu termasuk pembangunan kawasan-kawasan baru, penyusunan semula sosio-ekonomi penduduk, pengangkutan dan lalulintas, peningkatan kualiti hidup wargakota, perumahan kos rendah, serta juga pengindahan sebagai bandaraya taman bercahaya.

Maka tanggungjawab perkhidmatan perbandaran DBKL telah meningkat dengan pesatnya selaras dengan pertumbuhan penduduknya. Di dalam census yang terbaharu bilangan penduduknya adalah 1.2 juta orang. Bilangan ini tidak termasuk sejumlah besar penduduk yang mendiami di pinggir kawasan 243 km persegi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang juga menggunakan perkhidmatan dan infrastruktur yang ditadbir dan diselenggarakan oleh DBKL.

.../2-